

GOLONGAN YANG TERCICIR DI SEPANJANG JALAN DAKWAH (USTAZ FATHY YAKAN)

sambungan (bahagian 2)

Sebab-sebab keciciran.

2. SEBAB YANG BERKAITAN DENGAN INDIVIDU

~TABI'I YANG TIDAK TETAP

Ada yang tertarik dengan suatu harakah oleh sesuatu tarikan suasana atau tarikan suatu sebab lalu menyertainya. Namun apabila berada bersama-sama harakah, mereka sedar bahawa mereka tidak boleh mengikuti dasar atau peraturan harakah lantas tidak boleh patuh akan cuba mencari berbagai alasan supaya mereka boleh meninggalkan harakah.

Ada juga yang tidak dapat menerima “ penyerapan” dirinya dalam binaan jemaah. Apabila mereka mendapati keperibadiannya terserap dalam jemaah atau pendapatnya tidak diterima , dia akan cuba mengekalkan peribadi asalnya dan memikirkan dalih untuk keluar dari harakah.

~TAKUT BERLAKU SESUATU KEPADA DIRI DAN PENDAPATAN

Sesungguhnya syaitan berusaha menghalang para ‘amilin dan duat dengan menakut-nakutkan mereka, menjanjikan dan memberikan harapan apabila mereka meninggalkan harakah.

“Kalau kamu beroleh kebaikan (kemakmuran dan kemenangan, maka yang demikian) menyakitkan hati mereka dan jika kamu ditimpa bencana, mereka bergembira dengannya. Dan kalau kamu sabar dan bertaqwa, (maka) tipu daya mereka tidak akan membahayakan kamu sedikitpun. Sesungguhnya Allah meliputi pengetahuanNya akan apa yang mereka lakukan.” (Ali Imran : 120)

Apabila perjalanan dakwah diuji dengan pelbagai tribulasi, ada yang syahid, ada yang tsabat dan adapun yang demikian, ramai yang meninggalkan dakwah. Mengapa? Ini disebabkan oleh mereka tidak memahami tabie dan jalan dakwah. Sedangkan dalam sabda baginda Rasulullah:

“ syurga di kelilingkan dengan perkara-perkara yang dibenci oleh hawa nafsu dan mereka neraka dikelilingkan dengan perkara yang disukai oleh hawa nafsu”

(HR Muslim, Ahmad,dan At Tirmidzi)

Dan

"Orang yang paling banyak mengalami ujian (bala') ialah para Anbiya', kemudian yang lebih mulia, kemudian yang lebih mulia. Seseorang diuji mengikut agamanya. Jika dia kuat berpegang dengan agamanya maka ujiannya adalah hebat (kuat). Jika agamanya lembut maka ujian adalah mengikut kadar agamanya itu. Ujian akan terus menimpa seseorang sehinggalah dia membiarkannya berjalan bebas di atas muka bumi"

(HR Bukhari , Ahmad,dan At Tirmidzi)

~MELAMPAU (EKSTRIM)

Terdapat orang yang cuba untuk melakukan sesuatu di luar kemampuan dan melampaui batasan serta tidak menerima sikap bersederhana. Ini boleh menyebabkan dinya menghadapi tekanan dan bermasalah dalam soal kepercayaan dalam harakah.

Baginda rasulullah saw bersabda “ Binasalah orang yang berpendirian keras” baginda mengulangnya sebanyak 3 kali dan sabda Baginda “ JAuhilah kamu dari bersikap keras dan melampau (Ghuluw)) dalam agama. Sesungguhnya orang-orang terdahulu dari kamu menjadi binasa kerana mereka keras dan melampau dalm agama (HR Ahmad dan Nasai)

Jiwa manusia itu lemah dan keupayaan mereka untuk memikul bebanan dan tanggungjawab juga berbeza-beza. Dengan itu, Syariat ada memperuntukkan hukum- hukum azimah (kemestian) dan hukum-hukum rukhsah (keringanan) yang melengkapkan manhaj islami.

“ sesungguhnya Allah suka kamu menerima rukhsah yang diberikan Nya sama seperti ia suka seorang hamba meminta ampun dariNya”(HR At Tabrani)

~BERMUDAH MUDAHAN DAN LONGGAR

Orang yang selalu bermudah-mudahan dalam urusan harakiah selalunya merupak orang-orang yang bermudah-mudahan dalam menjalankan perintah ALLAH dan lemah iltizam dalam menjalankan hukum-hukum syarak!

Namun , syariat Allah adalah syariat yang tetap, tiada bertambah atau berkurang walau sedikitpun. Halal dan haram dalam Islam perlulah dipatuhi dengan iltizam dan jangan sekali kali membuat penafsiran sendiri (takwil) ataupun memudahkannya mengikut kemahuan diri. Apabila terlalu longgar dalam menjalani perintah Allah maka dia akan menghadapi masalah dengan perkara-perkara azimah dan menyebabkan dia gugur di awal-awal lagi bila ujian melanda.

Sebagai contoh ramai di antara para duat sentiasa lalai dan melakukan dosa –dosa kecil, namun jika kita perhaikan, rasulullah pernah bersabda:

“ wahai Aisyah, jauhilah dari dosa-dosa kecil, sesungguhnya Allah menuntut doas-dosa kecil itu’
(HR An-Nasai dan lain-lain)

~TERTIPU DENGAN KEDUDUKAN DAN BERSIKAP MENONJOLKAN DIRI

Ini merupakan penyakit yang amat merbahaya kerana ia boleh menyebabkan amalan seseorang tergantung, menghapuskan pahala serta memberi natjah yang buruk kepada pendokong dakwah. Ini lah sikap yang menyebabkan Iblis kalah apabila diuji dengan kehadiran Nabi Adam as, dan tindakan ini sesungguhnya menyebabkan ia termasuk golongan yang rugi.

Sabda Rasulullah saw:

“ Sesungguhnya perkara yang paling aku takut berlaku kepada umatku ialah menyekutukan Allah. Aku tidak mengatakan yang mereka menyembah matahari, bulan atau berhala tetapi mereka membuat amalan-amalan bukan untuk Allah tetapi untuk keinginan nafsu yang tersembunyi (HR Ibn Majah)

Oleh yang demikian sentiasalah muhasabah diri dan mamperbaiki diri dan membersihkan diri dari sifat sombong kerana sikap ini boleh membawa kepada kerosakan.

“Negeri akhirat itu, Kami jadikan untuk orang-orang yang tidak ingin menyombongkan diri dan berbuat kerusakan di (muka) bumi. Dan kesudahan (yang baik) itu adalah bagi orang-orang yang bertakwa.” (al Qasas : 83)

~CEMBURUKAN ORANG LAIN

Ini selalu terjadi khususnya di kalangan anggota-anggota jemaah yang berada dibarisan hadapan. Perasaan cemburu boleh menyebabkan individu tertentu mengambil sesuatu tindakan yang tidak sepatutnya dilakukan dalam sesebuah jemaah. Perasaan cemburu ini kemudiannya membawa kepada perasaan dendam dan ingin membalas dendam. Ini sekaligus menghancurkan nilai-nilai mulia dan akhlak islamiyah yang ada padanya kerana kerana perasaan ni boleh menyebabkan dia melakukan apa sahaja untuk menghancurkan sesiapa yang dianggap sebagai musuhnya. Selagi dendam tak terbalas, selagi itu dia merasa tidak senang.

Kita singkap kembali sejarah putera-putera Nabi Adam (Qbabil dan Habil). Kerana cemburu terjadi pertumpahan darah . ini dinukilkan dalam surah Al Maidah ayat 27-30.

“Ceritakanlah kepada mereka kisah kedua putera Adam (Habil dan Qabil) menurut yang sebenarnya, ketika keduanya mempersembahkan korban, maka diterima salah seorang dari mereka berdua (Habil) dan tidak diterima dari yang lain (Qabil). Ia berkata (Qabil): “Aku pasti membunuhmu!”. Berkata Habil: “Sesungguhnya Allah hanya menerima (korban) dari orang-

orang yang bertaqwa. Sungguh kalau kamu menggerakkan tanganmu kepadaku untuk membunuhku, aku sekali-kali tidak akan menggerakkan tanganku kepadamu untuk membunuhmu. Sesungguhnya aku takut kepada Allah, Rabb seru sekalian alam. Sesungguhnya aku ingin agar kamu kembali dengan (membawa) dosa (membunuh) ku dan dosamu sendiri, maka kamu akan menjadi penghuni neraka, dan yang demikian itulah pembalasan bagi orang-orang yang zalim. Maka hawa nafsu Qabil menjadikannya menganggap mudah membunuh saudaranya, sebab itu dibunuhnyalah, maka jadilah ia seorang diantara orang-orang yang merugi. “

Maka jauhilah diri dari berprasangka buruk dan cemburu, kerana ia boleh membawa kepada keciciran dari jalan dakwah ini.

~FITNAH SENJATA

Ini adalah gejala ekstrim yang paling bahaya padahnya kerana ia bukan sahaja membahayakan ahli malah merosakkan seluruh anggota dalam organisasi tersebut.

Antara keburukan yang berkaitan dengan penggunaan kekerasan yang menjadi pertikaian para ‘amilin, mencetus fitnah dan menghancurkan harakah adalah :

1. objektif pemilikan kekuatan yang tidak jelas.
2. Tidak terikat dengan syarat penggunaan kekuatan iaitu:
 - Berusaha bersungguh-sungguh menggunakan cara lain dan hanya menggunakan kekuatan yang merupai cara terakhir. Dan ini telah dipesetujui oleh para ulama’.
 - Penggunaan kekuatan hendaklah di bawah penguasaan Imam dan jemaah Muslimin, dan tidak boleh diletakkan di bawah kehendak individu dan orang ramai.
 - Jangan membawa kerosakan atau fitnah.
 - Jangan keluar dari siyasah Syari’iyah iaitu tidak boleh menjadikan kanak-kanak dan wanita sebagai benteng, jangan menyerang orang-orang awam dan memusnahkan harta milik mereka.
 - Hendaklah menuruti tertib (keutamaan).
 - Hendaklah mempunyai kesediaan yang sempurna dan teliti
 - Jauhi dari istidraj (peningkatan yang tidak baik) dan menyahut tindak balas.
 - Tidak mendedahkan umat islam untuk dikuasai musuh